

**Bursa Malaysia Keluar Pertanyaan Aktiviti Pasaran Luar Biasa Kepada Hibiscus
Bernama
25 Januari, 2012**

KUALA LUMPUR, 25 Jan (Bernama) -- Bursa Malaysia Securities Bhd mengeluarkan pertanyaan aktiviti pasaran luar biasa kepada Hibiscus Petroleum Bhd Rabu ekoran kenaikan mendadak harga sekuriti syarikat itu hari ini.

Bursa Malaysia dalam satu kenyataan menasihatkan para pelabur memberi perhatian kepada jawapan Hibiscus bagi pertanyaan itu yang akan diposkan di laman web pengawal atur tersebut di bawah pengumuman syarikat, apabila membuat keputusan pelaburan mereka.

Hibiscus dibuka pada 69.5 sen dan kaunter itu naik 14.5 sen kepada 85 sen pada sesi penutup.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=642140>